

02 JUL 2002

Mahathir-Kilang

DR MAHATHIR SAMPAIKAN AMANAT KEPADA SYARIKAT PERINDUSTRIAN

PULAU PINANG, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual akan menyampaikan amanat kepada pelabur industri elektronik dan elektrik di sini sempena sambutan ulang tahun ke-30 Industri Elektronik di negeri ini pada 27 Ogos depan.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata majlis anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) itu juga akan dirasmikan oleh Dr Mahathir bagi menghargai sumbangan mereka dalam membangunkan ekonomi negeri ini.

Sempena sambutan itu juga pengurusan lapan buah kilang pengasas industri elektronik di negeri ini dipilih untuk menghadiri majlis jamuan tengah hari bersama Perdana Menteri, katanya pada sidang media hari ini.

Kilang itu ialah Advanced Micro Devices Products (AMD), Agilent Technologies (dahulunya HP), Clarion, Fairchild Semiconductor (dahulunya NS), Hitachi Semiconductor, Intel, Osram Opto Semiconductor (dahulunya litrolix) dan Robert Bosch.

Katanya, mereka juga akan menerima Anugerah Istimewa Kerajaan Negeri yang akan disampaikan oleh Dr Mahathir.

Sempena sambutan itu juga, kira-kira 400 wakil dari syarikat-syarikat perindustrian di seluruh negeri ini akan menghadiri seminar setengah hari yang bertemakan "Growing With Penang".

Katanya, kerajaan negeri juga memilih lima syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk menerima "Best Vendor Award" kerana kejayaan dan sumbangan mereka menjayakan sektor perindustrian di negeri ini.

Kerajaan negeri juga akan meraikan kira-kira 700 pekerja kilang berkenaan yang telah berkhidmat sejak kilang itu dibuka 30 tahun lepas pada majlis makan malam itu.

Dr Koh berkata kerajaan yakin sektor perindustrian di negeri ini akan terus maju walaupun menghadapi cabaran ekonomi dalam era globalisasi.

Katanya, pembangunan teknologi telah menyebabkan syarikat perindustrian dan elektronik di negeri ini mampu untuk bersaing secara kompetatif di peringkat global.

-- BERNAMA

AZE NMO